

Elak jadi korban globalisasi: PM

BH - 1 JAN 2000

Oleh Manja Ismail

KUALA LUMPUR, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat merapatkan barisan, berhati-hati dan menyusun langkah ketika memasuki alaf baru bagi mengelak negara daripada menjadi korban globalisasi ciptaan Barat.

Sambil menegaskan pentingnya mempelajari sejarah, Perdana Menteri berkata, kedatangan globalisasi bersama abad dan alaf baru tidak boleh disambut dengan rela hati.

Sebaliknya, tegas beliau, rakyat perlu sedar mengenai bahaya sistem ciptaan Barat itu dan harus mengubahsuaikannya supaya masa depan negara terus terpelihara.

Katanya, semua ideologi dan sistem Barat seperti feudalisme, sistem pemerintahan mutlak oleh raja, republikanisme, diktator, komunisme dan sosialisme akhirnya gagal. Globalisme juga akan menerima nasib serupa.

“Malangnya sebelum sesuatu sistem atau ideologi dapat ditolak, ramai yang akan terkorban. Justeru, hendaklah kita berhati-hati dan menyusun langkah bagi membolehkan kita mengelak daripada menjadi korban mereka.

“Hendaklah kita rapatkan barisan kita dan ketepikan perbezaan yang boleh memecahkan kita serta kita menghadapi cabaran yang akan datang dengan penuh semangat dan ketahanan,” katanya dalam perutusan Tahun Baru 2000, yang disiarkan secara langsung oleh radio dan televisyen, malam ini.

LIHAT MUKA 2

Rakyat belum sedia hadapi cabaran alaf baru

DARI MUKA 1

BH

- 1 JAN 2000

Perdana Menteri berkata, rakyat perlu mempelajari sejarah yang menghendaki mereka merapatkan perpaduan dan mengukuhkan disiplin bagi menghadapi cubaan menjajah semula negara ini melalui globalisasi.

Sambil mengimbuai sejarah bangsa sejak dari zaman kejatuhan Melaka ke tangan Portugis, perjuangan menentang Malayan Union sehinggalah kejatuhan nilai mata wang pada 1997, Dr Mahathir berkata, krisis ekonomi di Malaysia dan negara Asia Timur dua tahun lalu adalah kesan sebenar globalisasi.

“Mereka cuba dan hampir berjaya tetapi Alhamdulillah kita dapat menangkis percubaan ini dan kita dapat memulihkan negara kita.

“Namun kita belum selamat. Percubaan sedang dibuat lagi, jika tidak kerana rusuhan menentang WTO (Pertubuhan Perdagangan Sedunia) di Seattle, mungkin sebahagian lagi daripada sempadan kita akan dapat diruntuhkan,” katanya.

Perdana Menteri kesal kerana rakyat seolah-olah melupai pengajaran sejarah bahawa faktor negara dijajah dahulu kerana rakyatnya tidak berdisiplin serta perebutan tempat dan kuasa.

“Yang lemah meminta pertolongan asing. Jika yang lemah berjaya kerana bantuan baka penjajah, benteng pertahanan akan runtuh dan kita akan dijajah semula.

“Yang jelas kita belum bersedia menghadapi cabaran alaf baru. Tabiat dan budaya lama yang menyebabkan kita dijajah selama empat setengah abad masih ada pada kita, khususnya pada orang Melayu,” katanya.

Dr Mahathir berkata, rakyat mungkin berfikir keadaan negara tidak akan berubah iaitu Malaysia tetap merdeka selama-lamanya, orang Melayu terus berkuasa dan negara tetap kaya-raya.

Bagaimanapun, katanya, sejarah menunjukkan susunan rapi, kepemimpinan yang bertanggungjawab secara khusus,

disiplin, ketertiban dan latihan, perlu bagi menjayakan sesuatu perjuangan dan ia boleh diselaraskan ke dalam budaya tempatan.

“Mereka yang bersubahat dengan musuh lebih buruk daripada musuh kerana demi kepentingan diri, mereka sanggup menjual bangsa dan negara,” katanya.

Beliau berkata, walaupun rakyat Malaysia pelbagai kaum telah menentukan negara terus memiliki kerajaan herwi-bawa yang boleh menghadapi cabaran alaf baru, bibit-bibit perpecahan sudah disemai di kalangan rakyat dan sedang menular.

Katanya, dakyah asing sudah diterima oleh sesetengah daripada rakyat dan sedang tersebar oleh mereka.

“Bahawa tuduhan yang dibuat oleh orang asing tidak berasas tidak mengapa. Yang penting ialah tuduhan-tuduhan ini mudah dipercayai dan boleh diguna untuk menjayakan perebutan yang sedang diusahakan,” katanya.